



APPGM-SDG
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020



LAPORAN AWAL

Dasar SDG Peringkat Parlimen

APPGM - SDG



**TIADA
KEWARGENEGARAAN**

Senarai Kehadiran

AHLI PARLIMEN (PENGERUSI BERSAMA)

YB Tuan Mordi Anak Bimol (*P192 - Mas Gading*)

AHLI-AHLI PARLIMEN YANG HADIR

YB Puan Syerleena Binti Abdul Rashid (*P048- Bukit Bendera*)

YB Datuk Larry Sng Wei Shien (*P209 - Julau*)

YB Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (*P112 - Kuala Langat*)

YB Tuan Haji Mohd Hasnizan Harun (*P094 - Hulu Selangor*)

YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas (*P154 - Mersing*)

YB Dato' Siti Zailah (*P023 - Rantau Panjang*)

YB Puan Isnaraissah Munirah (*P169 - Kota Belud*)

YB Dato' Hajjah Mumtaz Md Nawi (*P019- Tumpat*)

PAKAR-PAKAR BIDANG

Mary Anne K. Baltazar (*Advocates for Non-Discrimination and Access to Knowledge (ANAK)*)

Maalini Ramalo (*Bahagian Perlindungan Sosial, DHARRA Malaysia*)

Simon Siah (*Lawyer Kamek for Change*)

AHLI-AHLI KUMPULAN SIVIL

Patricia Low Pek Wan (*Family Frontiers*)

Bina Ramanand (*Family Frontiers*)

PRAKATA

YB Puan Isnaraissah Munirah Bt Majilis@Fakharudy
Pengerusi APPGM-SDG

Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria
Ketua Sekretariat APPGM-SDG

Bagi pihak Jawatankuasa APPGM-SDG dan Sekretariat APPGM-SDG, prakata ini kami nukilkan bersama sempena pelancaran siri lapan Laporan Awal Dasar hasil daripada siri perbincangan kumpulan fokus dasar yang telah kami anjurkan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak berkepentingan yang lain pada tahun ini. Aktiviti ini julung-julung kali dijalankan oleh APPGM-SDG dan merupakan langkah ke hadapan yang penting dalam proses advokasi dasar kami yang telah berlangsung sejak tahun 2020.

Antara tahun 2020 dan 2024, kami telah menggunakan **lima strategi** dalam usaha untuk membangunkan pendekatan advokasi dasar yang berasaskan bukti dan analisa yang berpandukan dapatan dari peringkat akar umbi.

Strategi pertama adalah untuk memetakan keperluan sosioekonomi tempatan.¹ Bagi tujuan ini, kami telah menjalankan perbincangan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai dan agensi-agensi daerah. Kami telah menjalankan kerja lapangan dan perbincangan kumpulan fokus bersama komuniti-komuniti setempat untuk tempoh tiga ke empat hari.² Melalui gerak kerja ini kami telah mengenal pasti masalah utama dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar berpandukan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030. Selepas kerja lapangan, penyelidik APPGM-SDG telah menyediakan satu laporan pemetaan bagi kawasan parlimen tersebut. Para penyelidik juga telah berkongsi laporan tersebut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi kerajaan untuk pengesahan mereka bagi isu-isu yang telah dikenal pasti.³ Daripada laporan-laporan telah disediakan, kami telah menerbitkan laporan analisis situasi pada tahun 2022 dan 2023.⁴

¹ APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

² APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

³ Realiti Akar Umbi (Jilid 1-5), https://appgm-sdg.com/resource_library/

⁴ Three publications. (1) Localising SDGs and Local Issues (2022), (2) Localising SDGs and Grassroots Concerns of six vulnerable groups in Malaysia (2023) and (3) SDGs and Grassroots Realities: Seven community case studies in Malaysia (2023). https://appgm-sdg.com/resource_library/

Strategi kedua adalah menyediakan laporan semakan yang komprehensif untuk isu-isu yang telah dipetakan merentasi 85 kawasan parlimen (2020-2023).⁵ Aktiviti ini telah dilaksanakan oleh Dr. Teo Sue Ann dan beliau telah mengkategorikan isu-isu tersebut kepada 26 isu-isu tematik⁶ di bawah tajuk-tajuk ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Strategi ketiga adalah menganjurkan lima siri Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Parlimen APGM-SDG di Parlimen Malaysia di mana kami telah mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk meneliti dapatan kami⁷ berkenaan tema kemiskinan, kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 bersempena dengan persidangan parlimen pertama. Kami telah menjemput Ahli-ahli Parlimen untuk mempengerusikan siri perbincangan tersebut diiringi oleh pembentangan isu yang dikendalikan oleh pegawai Sekretariat daripada MySDG Center for Social Inclusion (MySDG-CSI) dan dibantu oleh pakar-pakar bidang yang telah dilantik oleh pihak kami. Siri perbincangan tersebut telah mendapat sambutan yang baik daripada Ahli-ahli Parlimen.

Strategi keempat adalah mengadakan sesi dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan. Pihak Sekretariat juga telah menganjurkan beberapa sesi pra-dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi secara berasingan untuk mendapatkan sokongan bagi proses perbincangan ini yang bertujuan untuk mencari persefahaman yang lebih baik dan solusi dasar dan legislatif bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit.

Dalam konteks ini, satu siri yang merangkumi lapan perbincangan kumpulan fokus telah dijalankan antara 2hb dan 18hb Julai 2024 semasa sesi persidangan parlimen. Lapan isu tematik yang telah dibincangkan adalah kemiskinan (Semenanjung, Sabah, Sarawak dan pulau-pulau kecil), kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan⁸. Kami telah menerima sokongan yang baik daripada agensi-agensi yang terlibat termasuk maklum balas terhadap keperluan dan kebimbangan yang telah diketengahkan. Pihak Sekretariat juga telah menjalankan sesi perbincangan lanjut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan.

⁵ APPGM SDG 2023 Annual Report, (pages 6-7). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%20Laporan%20Tahunan%202023-compressed.pdf>

⁶ Thematic issues from qualitative findings (Page 39-50) <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%202023%20Annual%20Report-compressed.pdf>

⁷ Five Kertas Persediaan Ringkasan Dasar (poverty, welfare, food security, environment and statelessness) was prepared by the MySDG Centre for Social Inclusion

⁸ Membina Daya Tahan Daripada Penerima Manfaat Kepada Juara SDG. APPGM-SDG July 2024 Report <https://appgm-sdg.com/buletin-julai-2024/>

Strategi kelima adalah menulis lapan Laporan Awal Dasar yang telah disebutkan di atas dan melancarkan laporan-laporan tersebut pada 15hb Oktober 2024 serta menganjurkan perbincangan lanjutan untuk memurnikan dokumen-dokumen tersebut. Pegawai-pegawai Sekretariat di MySDG-CSI telah bekerja keras untuk menyediakan analisis yang komprehensif di dalam kesemua laporan tersebut. Mereka telah berhubung secara rapat dengan Ahli-ahli Parlimen yang berkaitan dalam proses untuk meneliti kandungan laporan-laporan tersebut dan mengambil maklum balas Ahli-ahli Parlimen. Kami melihat laporan-laporan tersebut sebagai dokumen kerja (*working document*) yang masih memerlukan dialog berterusan dan penambahbaikan dari segi analisis dan cadangan-cadangan dasar.

Kami akan melengkapkan proses advokasi dasar ini pada masa yang terdekat dan mengetengahkan dapatan kami kepada kerajaan sebagai input terhadap proses rancangan dan penggubalan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Kami juga dalam proses untuk menyediakan dokumen *Voluntary Parliamentary Review* (VPR) bagi SDG (2020-2024) sebagai kajian bebas APPGM-SDG berkenaan penyetempatan agenda SDG di Malaysia. VPR ini akan tersedia menjelang sesi *High Level Political Forum on SDGs* yang akan dianjurkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) di New York antara 14hb dan 24hb Julai 2025, di mana Malaysia akan membentangkan *Voluntary Nasional Review* (VNR) buat kali ketiga.

Di APPGM-SDG, kami menganggap bahawa perbincangan yang telah berlangsung dalam proses advokasi dasar dan juga lapan Laporan Awal Dasar kami sebagai sumbangan penting Ahli-ahli Parlimen di peringkat dasar yang makro, di samping usaha kami untuk menyetempatan SDG di peringkat mikro melalui projek-projek solusi mikro-SDG dan kebun komuniti.

Kami juga mengakui kepentingan kolaborasi secara pelbagai pihak antara Ahli-ahli Parlimen secara dwipartisan dan agensi-agensi kerajaan di semua peringkat (persekutuan, negeri, daerah, dan kerajaan tempatan), ahli-ahli akademik, masyarakat sivil, sektor swasta serta masyarakat akar umbi. Proses konsultatif dan kolaboratif ini adalah sangat mustahak. Proses bawah ke atas (*bottom-up approach*) dari peringkat akar umbi ke peringkat lebih tinggi serta proses atas ke bawah (*top-down approach*) dari peringkat nasional ke peringkat bawah adalah kunci kepada penemuan penyelesaian yang mampan untuk isu-isu akar umbi yang kompleks.

Kami juga yakin bahawa perlu ada tekad politik (*political will*) dalam mencari konsensus untuk menangani kebimbangan masyarakat di peringkat akar umbi. Kita perlu membina konsensus dwipartisan dalam kita mencari penyelesaian untuk isu-isu yang berbangkit. APPGM-SDG menyediakan ruang bagi tujuan ini melalui penyertaan Ahli-ahli Parlimen

daripada parti-parti kerajaan dan parti-parti pembangkang. Oleh kerana mereka adalah wakil pilihan rakyat, kita perlu membina sinergi dan kerjasama yang lebih erat di antara mereka melalui agenda SDG bagi memastikan tiada sesiapa atau komuniti yang ditinggalkan di Malaysia.

Kami ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam proses advokasi dasar kami ini, semua kakitangan Sekretariat terutamanya kakitangan MySDG-CSI, pakar-pakar bidang, dan semua agensi kerajaan yang telah menyertai sesi perbincangan dan memberikan maklum balas yang amat berharga.

Adalah menjadi harapan kami bahawa kita akan dapat melangkah lebih jauh ke depan melalui lapan siri Laporan Awal Dasar ini. Kami juga berharap laporan-laporan ini akan menjadi bahan rujukan dan analisis yang berguna kepada pembaca. Kami juga mengalu-alukan maklum balas dan cadangan daripada pembaca, yang boleh dipanjangkan kepada kakitangan Sekretariat.

KATA ALUAN

Yang Berhormat Mordy anak Bimol

Ahli Parlimen P192 - Mas Gading

Hari ini, kita menandakan satu titik reformasi bagi Malaysia ke arah merealisasikan Agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 khususnya matlamat SDG 16 yang menekankan kepentingan untuk kita mendirikan masyarakat yang aman dan inklusif, memberikan akses kepada keadilan untuk semua, dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat tanpa mengira latar belakang. Laporan awal dasar ini adalah simbol komitmen Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) untuk memastikan bahawa setiap insan di negara ini, tanpa mengira latar belakang, akan mendapat peluang yang adil untuk menikmati hak-hak asasi mereka.

Berpaksikan SDG 16.9 yang menekankan penyediaan pengenalan kewarganegaraan yang sah dan diiktiraf oleh undang-undang, laporan ini turut menggariskan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh individu tanpa kewarganegaraan. Kita semua sedar bahawa tanpa pengiktirafan identiti rasmi, golongan ini sering terhalang daripada menikmati akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, pekerjaan dan kehidupan yang stabil. Namun, apa yang lebih penting adalah laporan ini juga memberikan kita harapan bahawa melalui tindakan yang strategik dan holistik serta komitmen berterusan daripada semua pihak berkepentingan, kita mampu menangani isu tiada kewarganegaraan ini bersama.

Laporan awal dasar ini juga mencadangkan beberapa intervensi yang pada pendapat saya sangat strategik dan praktikal untuk membantu kita memperbaiki akses golongan tiada kewarganegaraan kepada pendidikan, kesihatan, dan perkhidmatan sosial. Usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang pendaftaran kelahiran, perkahwinan dan pengambilan anak angkat secara sah adalah langkah-langkah asas namun sangat penting bagi menghapuskan cabaran-cabaran tersebut secara berkesan.

Seiring dengan wawasan Agenda SDG 2030, kita harus mengingatkan diri kita bahawa setiap perubahan besar bermula dengan satu langkah yang kecil. Oleh itu, pada hari ini, kita sedang mengambil langkah tersebut demi mereka yang tidak mempunyai suara, demi masa depan yang lebih inklusif, dan demi Malaysia yang lebih adil. Dengan semangat ini, saya ingin menyeru agar kita semua akan terus bekerjasama dan memastikan bahawa setiap individu di negara ini dapat menikmati hak mereka sebagai manusia, tanpa sebarang diskriminasi.

Sekian, terima kasih.

15hb Oktober, 2024

Mas Gading (P.192)

Parlimen Malaysia

KATA PENGENALAN

Dr. Teo Sue Ann

Pengarah MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG

Sejak tahun 2020, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG) telah berusaha bertungkus-lumus untuk menyetempatan 17 Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di seluruh Malaysia. Hingga ke tahun 2023, para penyelidik APPGM-SDG telah memeta isu di 85 dari 222 kawasan parlimen di seluruh negara. Dengan isu-isu yang telah diperolehi, APPGM-SDG telah memulakan advokasi dasar SDG melalui *MySDG Centre for Social Inclusion (MySDG-CSI)*.

Daripada isu-isu yang telah dipetakan, kami mendapati lima tema paling menonjol, iaitu kemiskinan, kebajikan, alam sekitar, keterjaminan makanan, dan tiada kewarganegaraan. Walaupun kami telah mengumpulkan data-data kualitatif untuk lima tema tersebut, kami mendapati bahawa isu-isu yang telah dicatatkan adalah berbeza apabila dianalisis secara mendalam disebabkan oleh: latar belakang komuniti yang berlainan; wilayah dan lokasi yang berbeza; kadang-kala juga disebabkan oleh hubungan politik; dan cara kehidupan komuniti tempatan yang berbeza. Namun, apabila kami menganalisa isu-isu ini daripada segi makro, kami telah mendapati bahawa terdapat suatu corak persamaan yang muncul daripada data-data tersebut.

Yang lagi pentingnya, adalah bahawa data-data yang telah dikumpulkan oleh para penyelidik APPGM-SDG adalah bersifat kualitatif. Melalui data-data ini, kami dapat menghayati isu-isu yang telah dialami oleh komuni-komuniti di akar umbi melalui perkongsian naratif mereka. Data-data kualitatif ini telah membolehkan kami untuk menelitikan isu-isu tempatan secara makro dan mikro. Ini menjadi suatu dorongan yang penting untuk pihak kami bekerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen dalam gerak kerja advokasi dasar APPGM-SDG.

Ahli-ahli Parlimen adalah wakil rakyat yang penting dan mereka yang sering berhadapan dengan komuniti-komuniti yang memerlukan bantuan. Dengan itu, siri perbincangan pertama yang telah dijalankan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 dibuktikan penting tidak sahaja sebagai suatu peluang kepada Ahli-ahli Parlimen yang rentas parti politik berlainan untuk membincangkan isu-isu yang sedang dan telah berlaku di kawasan-kawasan parlimen masing-masing. Dalam sesi tersebut, mereka juga dapat mengetepikan agenda politik parti masing-masing dan mendapat kesedaran bahawa isu yang sama juga berlaku di kawasan-kawasan parlimen selain dari kawasan yang diwakili oleh mereka.

Daripada lima sesi perbincangan tersebut, terdapat tiga keputusan penting yang telah dipersetujui oleh para Ahli-ahli Parlimen yang hadir. Pertamanya, penyertaan daripada pihak kementerian kerajaan sebagai salah satu pihak berkepentingan dalam proses ini adalah diperlukan. Maklum balas daripada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk menyediakan dasar pembangunan negara adalah mustahak dalam perbincangan isu-isu tempatan di kawasan parlimen. Dengan itu, kami telah berusaha untuk menjemput dan mendapatkan penyertaan kementerian dalam sesi perbincangan kedua yang telah berlangsung antara 2hb dan 18hb Julai 2024.

Keputusan kedua yang telah dipersetujui oleh Ahli-ahli Parlimen adalah memisahkan tema kemiskinan yang dikatakan terlalu luas. Jikalau perbincangan diteruskan untuk sesi seterusnya dengan merangkumi semua kawasan di Malaysia, komuniti-komuniti yang tinggal di pulau-pulau kecil, keadaan kemiskinan di wilayah Sabah dan Sarawak masing-masing tidak akan mendapat tumpuan yang memadai dalam perbincangan tersebut. Justeru, bagi memastikan perbincangan yang lebih menyeluruh MySDG-CSI telah menjalankan sesi perbincangan di Sabah dan Sarawak masing-masing, bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil kementerian di peringkat wilayah. Siri perbincangan tersebut telah berjaya dijalankan dengan sokongan dan kerjasama *Institute for Development Studies* (IDS) di Sabah, dan *Economic Planning Unit* di Sarawak.

Keputusan yang ketiga adalah supaya perbincangan bertema keterjaminan makanan dipisahkan kepada dua sesi yang bertumpu kepada pertanian dan penternakan sebagai satu sesi, serta perikanan sebagai satu sesi yang lain. Sebab untuk pemisahan ini adalah sama seperti untuk tema kemiskinan. Isu-isu yang diperolehi untuk kedua-dua lapangan tersebut adalah berbeza dan para Ahli Parlimen juga memberi tumpuan yang lebih mendalam untuk setiap tema rinci yang penting ini.

Secara keseluruhannya, proses advokasi ini dipimpin oleh penyertaan dan cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil Kementerian. Suatu pemerhatian yang signifikan adalah bahawa kedua-dua pihak yang berkepentingan ini telah bersetuju bahawa kerjasama yang erat adalah sangat penting untuk memastikan suatu bentuk institusi kerajaan yang kukuh demi mencapai bukan sahaja SDG 16 tetapi semua SDG yang lain yang saling berkait rapat.

Hasil daripada sesi-sesi perbincangan ini menjangkau lebih daripada apa yang telah kami jangkakan. Satu pencapaian yang penting adalah penghasilan lapan Laporan Awal Dasar SDG yang bertemakan Kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Pulau-pulau kecil, Kebajikan, Keterjaminan Makanan, Alam Sekitar dan Tiada Kewarganegaraan. Laporan-laporan awal ini akan menjadi teras kepada usaha advokasi dasar kami yang seterusnya pada tahun 2025 bagi menjalankan kerjasama dengan lebih ramai pihak yang

berkepentingan seperti kerajaan di peringkat wilayah, negeri dan daerah, masyarakat sivil (CSO), badan-badan pemikir dan ahli-ahli akademik. Di samping itu, menerusi siri perbincangan ini, kami telah berjaya menjalinkan kerjasama erat bersama dengan pelbagai kementerian.

Dengan itu, proses polisi advokasi MySDG-CSI telah berjaya mencapai objektifnya, iaitu mengukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dalam proses penyetempatan SDG melalui APPGM-SDG. Walaupun siri perbincangan ini berupa lambang kepada langkah permulaan dalam usaha advokasi dasar yang mampan, ia telah menyumbang kepada daya gerak Kerajaan Malaysia dalam usaha mencapai agenda SDG menjelang 2030.

Kandungan

RINGKASAN EKSEKUTIF	1
1. LATAR BELAKANG.....	5
2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR.....	9
2.1 Sesi Perbincangan Fokus Dasar (FGD) Pertama, 21hb Mac 2024.....	10
2.2 Sesi Perbincangan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 11hb Julai 2024	11
3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN 11	11
AHLI-AHLI PARLIMEN.....	11
3.1 Ketiadaan Akses Kepada Khidmat Kesihatan dan Pendidikan, Pekerjaan, dan Keselamatan Sosial	12
3.2 Kekurangan Kesedaran Tentang Pendaftaran Awam, Pengambilan.....	13
Anak Angkat yang Sah dan Pendaftaran Perkahwinan	13
3.3 Akses Kepada KDN (Proses/Prosedur) dan Kemudahan	14
(Kawasan Luar Bandar/Golongan Miskin)	14
4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN	16
4.1 Ketiadaan Akses Kepada Khidmat Kesihatan Dan Pendidikan,	16
Pekerjaan, dan Keselamatan Sosial.....	16
4.2 Kekurangan Kesedaran Tentang Pendaftaran Awam, Pengambilan.....	16
Anak Angkat Sah dan Pendaftaran Perkahwinan.....	16
4.3 Akses Kepada KDN (Proses/Prosedur) dan Kemudahan	16
(Kawasan Luar Bandar/Golongan Miskin)	16
Usaha perlu bersambung untuk meneruskan perbincangan antara Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak kementerian dan agensi kerajaan persekutuan, wilayah dan negeri.	17
RUJUKAN	18
LAMPIRAN 1: RANGKUMAN ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, DAN CADANGAN	19
1.1 Isu-Isu Berkaitan Tiada Kewarganegaraan Untuk Sesi FGD Pertama Bersama Ahli-Ahli Parlimen, 21hb Mac 2024.....	19

1.2 Senarai Maklum Balas Dan Cadangan Berkaitan Tiada Kewarganegaraan Untuk Sesi FGD Kedua Bersama Ahli-Ahli Parlimen Dan Agensi Kerajaan, 11hb Julai 2024 ...20

LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA - 21hb Mac 2024.....25

LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN, JABATAN, AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA - 11hb Julai 2024..... 26

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan awal dasar SDG peringkat parlimen APPGM-SDG ini bertema tiada kewarganegaraan. Ia adalah sebahagian daripada advokasi dasar Kumpulan Rentas Parti Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) menerusi *MySDG Centre for Social Inclusion* (MySDG-CSI). Ia merupakan hasil daripada sesi-sesi perbincangan dasar berfokus yang telah dijalankan oleh MySDG-CSI sejak awal tahun 2024 ini. Tema Tiada Kewarganegaraan ini merupakan salah satu daripada lapan tema perbincangan yang telah dilaksanakan.

Proses penyediaan laporan ini melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan, terutamanya Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak wakil kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Proses ini melibatkan sesi-sesi perbincangan dasar berfokus yang telah berlangsung ketika sesi pertama dan kedua parlimen bersidang.

Sesi-sesi perbincangan tersebut adalah berdasarkan hasil dapatan kajian pemetaan isu APPGM-SDG di 85 kawasan parlimen dari tahun 2020 sehingga 2023. Daripada dapatan tersebut, MySDG-CSI telah menyusun serta menjalankan analisis terhadap semua data pemetaan daripada lapangan yang berkaitan dengan isu-isu tiada kewarganegaraan untuk perbincangan bersama dengan Ahli-ahli Parlimen pada sesi perbincangan pertama. Sesi yang pertama ini berlangsung di Bangunan Parlimen dan dijalankan pada 21hb Mac, 2024. Perbincangan ini melibatkan Ahli-ahli Parlimen, wakil-wakil organisasi sivil, pakar-pakar bidang, dan pasukan *MySDG Center for Social Inclusion*, dan pasukan APPGM-SDG umumnya.

Sesi perbincangan yang kedua kemudiannya dijalankan pada 11hb Julai, 2024 dan bertempat di Bangunan Parlimen. Di sesi yang kedua ini, pihak MySDG-CSI telah menjemput wakil-wakil daripada pihak-pihak kementerian, jabatan dan agensi kerajaan di mana bidang tanggungjawabnya yang berhubung dengan isu tiada kewarganegaraan untuk menyertai sama satu sesi perbincangan dengan Ahli-ahli Parlimen, pakar-pakar bidang, pasukan MySDG-CSI dan juga APPGM-SDG.

Laporan awal dasar yang kini dibaca di sini terbentuk hasil daripada sesi-sesi perbincangan tersebut. Secara rangkumannya, isu-isu utama yang terbit daripada proses perbincangan dan libat urus pelbagai pihak berkepentingan ini adalah:

1. Ketiadaan akses kepada khidmat kesihatan dan pendidikan, pekerjaan, dan keselamatan sosial;
2. Kekurangan kesedaran tentang pendaftaran awam, pengambilan anak angkat yang sah dan pendaftaran perkahwinan; dan

3. Akses kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau Kementerian Dalam Negeri (KDN) daripada segi proses atau prosedur, dan kemudahan bagi kawasan luar bandar dan golongan miskin.

Menerusi sesi-sesi perbincangan ini, pihak-pihak kementerian dan agensi kerajaan juga memberi maklum balas dan penerangan kepada isu-isu yang dibentangkan oleh pakar-pakar bidang APPGM-SDG dan Ahli-Ahli Parlimen. Antara pihak kementerian dan agensi yang hadir adalah Kementerian Dalam Negeri (KDN), Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Perbincangan dalam laporan ini memuatkan penelitian tentang cabaran yang dihadapi oleh orang tiada warganegara atau *stateless persons*. Antara cabaran yang paling menonjol daripada sesi-sesi perbincangan tersebut adalah kekurangan fahaman tentang jenis atau kategori kes tiada kewarganegaraan. Kategori atau kes tiada kewarganegaraan kalau ditelusuri tidak sahaja melibatkan isu kekurangan kesedaran oleh ibubapa yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka.

Ia juga dan selanjutnya, melibatkan himpunan kes yang melibatkan komuniti-komuniti yang mendiami kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Terdapat mereka juga yang mendiami kawasan atau lokasi di sempadan negara, seperti zon utara dan timur di Semenanjung Malaysia. Pengendalian kes-kes tiada kewarganegaraan juga berbeza dan rumit berdasarkan pengurusan dan kuasa kerajaan wilayah dan negeri. Contohnya, pengendalian kes-kes kewarganegaraan oleh kerajaan di Sabah adalah berbeza dengan kerajaan di Sarawak dan seterusnya dengan kerajaan-kerajaan negeri serta Persekutuan di Semenanjung.

Tema kewarganegaraan adalah penting berasaskan matlamat dan sasaran SDG terutamanya SDG 16.9 (Menyediakan identiti undang-undang sejagat). Selain itu, matlamat-matlamat SDG yang berkaitan adalah seperti SDG 1 (Tiada Kemiskinan), SDG 4 (Pendidikan Berkualiti), SDG 5 (Kesaksamaan Gender) dan SDG 10 (Mengurangkan Ketaksamaan).

Laporan ini juga mencadangkan intervensi strategik untuk meningkatkan akses kepada pendidikan, kesihatan, dan perkhidmatan sosial bagi populasi tiada kewarganegaraan. Selain itu, ia menegaskan pentingnya kesedaran tentang proses pendaftaran kelahiran, pendaftaran perkahwinan, dan pengambilan anak angkat secara sah. Oleh demikian, salah satu cadangan adalah supaya mempergiatkan kempen untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan pendaftaran perkahwinan terutamanya dalam kalangan komuniti-

komuniti yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman. Di Sarawak, suatu jawatankuasa ditubuhkan bagi koordiansi gerak kerja pegawai-pegawai untuk melawat penduduk-penduduk di kampung pedalaman dan mudahcarakan proses permohonan dan pendaftaran supaya dapat dilakukan oleh mereka. Jawatankuasa yang sama dapat ditubuhkan di kawasan Semenanjung Malaysia dan wilayah Sabah.

Secara rangkumannya, cadangan-cadangan yang dibicarakan dan diajukan oleh Ahli-ahli Parlimen kumpulan fokus dasar tiada kewarganegaraan adalah seperti berikut:

- Mempermudahkan proses pendaftaran kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang telah lama tertangguh agar mereka dapat bersekolah dan menduduki peperiksaan SPM;
- Menubuhkan satu pasukan petugas di bawah BHEUU atau KDN bagi menangani isu kanak-kanak yang tidak dapat menduduki peperiksaan utama;
- Untuk kementerian kerajaan menerajui pelaksanaan kempen kesedaran di seluruh negara untuk memaklumkan orang ramai tentang langkah-langkah yang perlu diambil apabila berkahwin dengan warganegara asing.
- Mencontohi dan melaksanakan amalan-amalan terbaik (*best practices*), seperti yang dijalankan oleh kerajaan wilayah Sarawak. Antara pendekatan adalah mengumpulkan kes-kes berkaitan kewarganegaraan mengikut negeri dan wilayah bagi membolehkan penyelesaian yang kolektif, sistematik dan berkesan.

Dengan melaksanakan langkah-langkah pembaharuan dasar-dasar, sistem dan mekanisme pengurusan, dan pembentukan dan pengukuhan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan (*multi-stakeholder partnerships*), Malaysia dapat mencapai kemajuan signifikan dalam menangani isu tiada kewarganegaraan, dan seterusnya memastikan matlamat-matlamat SDG dapat direalisasikan menjelang tahun 2030.

1. LATAR BELAKANG

Menurut statistik terkini daripada latihan pemetaan yang dijalankan oleh Pembangunan Sumber Manusia untuk Kawasan Luar Bandar (DHRRA) Malaysia, lebih daripada 16,392 individu tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia telah didaftarkan dengan mereka dari tahun 2016 hingga Jun 2023; dianggarkan 7,000 telah diiktiraf sebagai warganegara Malaysia, manakala baki 9,392 masih tanpa kewarganegaraan.⁹ Statistik ini hanya mewakili konteks sebelum kemerdekaan dan kes-kes kewarganegaraan kanak-kanak (seperti kanak-kanak terbiar/ditinggalkan, kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang diambil sebagai anak angkat oleh rakyat Malaysia dan kanak-kanak yang dilahirkan di luar nikah oleh bapa warga Malaysia) dan tidak termasuk jumlah individu tanpa kewarganegaraan di Sabah dan Sarawak (Malaysia Timur) atau negeri Kelantan dan Terengganu di Semenanjung Malaysia. Manakala, komuniti tanpa kewarganegaraan terus berkembang di Sabah disebabkan kekurangan akses kepada dokumentasi yang sah di peringkat negeri dan persekutuan. Berdasarkan laman web Jabatan Perangkaan Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan 2020 menunjukkan bahawa Sabah mempunyai populasi seramai 3,398,948 orang. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan lebih daripada 810,000 adalah bukan warganegara, termasuk pendatang tanpa dokumen dan individu tanpa kewarganegaraan.¹⁰ Kementerian Dalam Negeri juga melaporkan pada tahun 2017 bahawa Sabah mempunyai bilangan kanak-kanak atau golongan muda tanpa kewarganegaraan yang terbesar. Rekod Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan bahawa terdapat 23,154 individu di bawah umur 21 tahun di Sabah yang tidak mempunyai kewarganegaraan dengan sekurang-kurangnya salah seorang ibu bapa mereka merupakan warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, angka-angka ini nampaknya tidak mencerminkan realiti di lapangan kerana tidak setiap individu tanpa kewarganegaraan mempunyai akses kepada permohonan dokumentasi. Angka tersebut dijangka lebih tinggi daripada yang dinyatakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Isu kewarganegaraan merupakan isu yang kompleks di Malaysia dan melibatkan pelbagai pihak dan komuniti di seluruh negara. Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah menjalankan kaji selidik menyeluruh untuk mengenal pasti cabaran-cabaran sosioekonomi yang dihadapi oleh masyarakat akar umbi di 85 kawasan parlimen dari tahun 2020 hingga 2023. Hasil daripada kaji selidik

⁹ Lim I, 'Counting Malaysia's "Invisible" People: How Many Born Here Cannot Be Citizens despite Their Local Roots' *MalayMail* (10 July 2023) & <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/10/counting-malaysias-invisible-people-how-many-born-here-cannot-be-citizens-despite-their-local-roots/78296#:~:text=Of%20the%209%2C392%2C%20the%20biggest,Malaya's%20independence%20in%201957%20but> ; accessed 7 October 2024.

¹⁰ Sabah's Stateless Issue: Navigating a Complex Legal Landscape for Basic Rights <https://www.hurights.or.jp/archives/focus/section3/2023/03/sabahs-stateless-issue-navigating-a-complex-legal-landscape-for-basic-rights.html>

ini telah dikumpulkan di dalam laporan-laporan pemetaan isu yang menyetengahkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh golongan tanpa kewarganegaraan di Malaysia. Laporan pemetaan isu APPGM-SDG bukan sahaja memperincikan pelbagai isu yang dihadapi oleh golongan tersebut, tetapi juga menggariskan sifat saling berhubung kait faktor-faktor yang menyebabkan kewarganegaraan menjadi isu yang sulit untuk ditangani di Malaysia.

Daripada perspektif Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030, isu tiada kewarganegaraan berkait rapat dengan pencapaian matlamat SDG 16 (menganjurkan pembentukan masyarakat yang aman dan menyeluruh untuk pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan menyeluruh pada semua peringkat), khususnya sasaran SDG 16.9 yang menegaskan keperluan untuk menyediakan pengenalan kewarganegaraan yang sah untuk semua. Selain daripada itu, isu tiada kewarganegaraan juga berhubung kait dengan matlamat-matlamat SDG yang lain termasuk SDG 1, iaitu membasmi semua bentuk kemiskinan di seluruh dunia termasuk bagi individu tanpa kewarganegaraan yang sering tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan asas seperti pendidikan, pekerjaan, dan penjagaan kesihatan. SDG 10 (mengurangkan ketidaksamaan dalam negara dan antara negara) pula menekankan keperluan untuk memastikan kesamarataan peluang bagi semua, termasuk golongan tanpa kewarganegaraan yang sering terpinggir dan mengalami diskriminasi dalam mendapatkan hak-hak asas. Ketiadaan kewarganegaraan menjadikan mereka sukar untuk melibatkan diri dalam masyarakat secara menyeluruh dan mendapat perlindungan undang-undang yang sewajarnya. Selain itu, matlamat SDG 4 (memastikan pendidikan berkualiti secara menyeluruh dan saksama serta menganjurkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua) dan SDG 5 (mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa semua golongan wanita) juga mungkin sukar untuk dicapai oleh negara akibat isu tiada kewarganegaraan.

Golongan tiada kewarganegaraan, terutamanya kanak-kanak, sering berdepan halangan untuk mengakses pendidikan formal kerana ketiadaan dokumen pengenalan yang sah, yang boleh menghalang kemajuan mereka dalam jangka panjang. Dalam konteks SDG 5, ketiadaan kewarganegaraan sering kali memburukkan lagi ketaksamaan gender, dengan wanita dan kanak-kanak perempuan lebih cenderung menghadapi cabaran yang lebih besar, seperti kekurangan hak undang-undang dan risiko untuk dieksploitasi. Pendek kata, jika isu tiada kewarganegaraan dapat ditangani dengan berkesan, banyak aspek pembangunan mampan dapat dicapai oleh negara.

Oleh kerana tidak terdapat definisi yang jelas di bawah undang-undang Malaysia, laporan ini menggunakan definisi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk golongan tanpa kewarganegaraan seperti yang terkandung dalam Artikel 1(1) Konvensyen 1954 berkaitan Status Orang Tanpa Kewarganegaraan¹¹, yang mentakrifkan orang tanpa kewarganegaraan sebagai:

Definisi Orang Tanpa Kewarganegaraan

Orang tanpa kewarganegaraan adalah seseorang yang tidak dianggap sebagai warganegara oleh mana-mana negara di bawah pengendalian undang-undangnya.

Selain itu, laporan ini merujuk kepada individu yang berisiko menjadi orang tanpa kewarganegaraan, termasuk mereka yang mungkin menjadi orang tanpa kewarganegaraan sekiranya terdapat faktor atau keadaan yang berlaku yang menyumbang kepada risiko tersebut.

Kategori individu yang berisiko menjadi orang tanpa kewarganegaraan termasuk:

1. **Orang Tanpa Dokumen:** Individu yang sama ada tidak dapat mendaftarkan kelahiran mereka atau maklumat pengenalannya tidak direkodkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Walaupun tidak berdokumen sahaja tidak menyebabkan seseorang tidak mempunyai kewarganegaraan, **ketiadaan dokumen pengenalan diri seperti sijil kelahiran boleh menyebabkan individu berisiko tidak mempunyai kewarganegaraan**, terutamanya apabila ahli keluarga yang tidak berdokumen merangkumi beberapa generasi.
2. **Orang yang Tidak Ditentukan Warganegara:** Individu yang tidak mempunyai bukti pemilikan mana-mana kewarganegaraan. Individu ini mungkin mempunyai kaitan dengan lebih daripada satu negara (disebabkan oleh kelahiran, keturunan, perkahwinan, atau kediaman biasa) atau mungkin dianggap dan oleh pihak berkuasa sebagai mempunyai kaitan sedemikian dengan negeri lain.

Isu tiada kewarganegaraan di Malaysia bukan sahaja membawa kesan kepada komuniti atau kawasan geografi tertentu, tetapi merupakan fenomena yang meluas. Populasi terawal yang dikenal pasti berisiko atau terjejas oleh isu tanpa kewarganegaraan di Malaysia termasuk individu yang telah menetap di Malaysia sejak sebelum kemerdekaan serta keturunan mereka (termasuk individu berketurunan Tamil, Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan Orang Asal di Sabah dan Sarawak). Walaupun bilangan sebenar orang tanpa kewarganegaraan di negara ini sukar ditentukan, tetapi punca-

¹¹ UNHCR. (1954). Convention relating to the status of stateless persons. In (pp. 1-35): United Nations High Commissioner for Refugees.

punca yang menjadi seorang individu (tidak kira umur) telah dikenal pasti oleh banyak pihak termasuk pihak pemerintah, kerajaan dan NGO. Namun, cara penyelesaian adalah terhad dan tertakluk kepada penguatkuasaan kerajaan pusat dan wilayah (contohnya Sarawak) masing-masing. Berdasarkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN), seseorang individu adalah warganegara Malaysia dengan memenuhi syarat-syarat asas mengikut Peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan¹² seperti yang disenaraikan berikut:

1. Perkara 14 Kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang: Ini tertakluk kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibubapa semasa individu tersebut dilahirkan.
2. Perkara 15 (1) Kewarganegaraan melalui pendaftaran bagi isteri kepada warganegara Malaysia: Individu (isteri) telah bermastautin di Malaysia sekurang-kurangnya dua tahun dan berkelakuan baik.
3. Perkara 15 (2) Kewarganegaraan melalui pendaftaran bagi individu berumur 21 tahun ke bawah: anak kepada lelaki atau wanita warganegara Malaysia (juga tertakluk kepada status perkahwinan ibu bapa semasa individu dilahirkan).
4. Perkara 15A Kewarganegaraan melalui pendaftaran bagi individu berumur 21 tahun ke bawah: Kewarganegaraan melalui pendaftaran bagi individu berumur bawah 21 tahun (Tertakluk kepada Peruntukan khas misalnya kes anak angkat kepada warganegara atau anak tidak sah taraf kepada warganegara).
5. Perkara 16 Kewarganegaraan melalui pendaftaran bagi individu berumur 18 tahun dan ke atas yang dilahirkan di Persekutuan sebelum hari Kemerdekaan: Individu mempunyai sijil kelahiran sah yang membuktikan kelahirannya di Persekutuan, bermastautin di Malaysia sekurang-kurangnya 7 tahun, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan asas dalam bahasa Melayu.
6. Perkara 19 Kewarganegaraan melalui naturalisasi bagi individu berumur 21 tahun ke atas: Individu yang bermastautin di Malaysia sekurang-kurangnya 12 tahun, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu.

Berdasarkan latihan pemetaan dan pendaftaran DHRRA Malaysia, orang tanpa kewarganegaraan di negara ini boleh dibahagikan kepada 7 kategori berikut:

Kategori Individu Tanpa Kewarganegaraan

1. Tiba/Dilahirkan sebelum Hari Kemerdekaan (31 Ogos 1957) atau Hari Malaysia (16 Sept 1963)
2. Undang-undang Kewarganegaraan Diskriminatif

¹² Kementerian Dalam Negeri, <https://www.moha.gov.my/index.php/ms/hal-ehwal-pendaftaran-negara-kewarganegaraan> (akses pada 5 Oktober 2024).

- a) Kanak-kanak yang dilahirkan daripada perkahwinan tidak sah kepada bapa yang warganegara Malaysia
- b) Kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita warganegara Malaysia
- 3. Kanak-kanak terabai dan ditemui
- 4. Kanak-kanak bukan warganegara yang diambil sebagai anak angkat
- 5. Komuniti Bajau Laut Nomad atau Semi Nomad

Kategori Individu Berisiko Tinggi Menjadi Orang Tanpa Kewarganegaraan

- 6. Orang Asli/Asal
- 7. Migran Pelbagai Generasi: individu tanpa dokumentasi atau penempatan semula untuk jangka panjang.

2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR

Kajian lapangan APPGM di kawasan-kawasan parlimen di seluruh negara merupakan satu usaha untuk menyetempatkan agenda SDG di peringkat tempatan termasuk golongan akar umbi. Daripada proses dan hasil kajian lapangan tersebut, pihak APPGM-SDG telah mengenal pasti dan membahagikan secara tematik isu-isu yang berkaitan dengan tiada kewarganegaraan di kawasan-kawasan parlimen yang berlainan. Sebagai rumusan, isu tiada kewarganegaraan telah dilaporkan di 21 kawasan parlimen: Bandar Kuching pada tahun 2020; Simpang Renggam, Kubang Pasu, Muar, Selangau, Pasir Mas, Kubang Pasu dan Tumpat pada tahun 2021; Bera, Kalabakan, Lahad Datu, dan Sungai Buloh pada tahun 2022; dan Ampang, Rantau Panjang, Tanah Merah, Kudat, Sandakan, Tambun, Ranau, Kudat, dan Beluran pada tahun 2023.

Berpandukan hasil penyelidikan dan pemetaan isu tersebut, pihak *MySDG Center for Social Inclusion* (MySDG CSI), unit kajian dan advokasi dasar APPGM-SDG, telah menganjurkan dua sesi Perbincangan Fokus Dasar (FGD) pada tahun 2024. Sesi FGD Pertama telah dijalankan pada 21 Mac 2024. Sesi FGD ini telah dipengerusikan secara bersama oleh YB Tuan Mordi Bimol (P 192 Mas Gading) dan dihadiri oleh 6 Ahli Parlimen serta wakil daripada pertubuhan masyarakat sivil (rujuk LAMPIRAN 3 untuk senarai kehadiran).

Laporan ini adalah hasil daripada kedua-dua sesi perbincangan tersebut. Ia adalah disediakan oleh tiga pakar tema: Maalini Ramalo, Mary Anne K Baltazar, Simon Siah Sy Jen. Proses penyediaan laporan ini adalah berdasarkan kepada maklum balas daripada pihak-pihak yang berkepentingan: Ahli-ahli Parlimen dan wakil daripada kementerian yang berkaitan. Pakar-pakar tema mendengar dan meneliti maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan tersebut dalam menyediakan laporan ini. Keterangan lanjut mengenai kedua-dua sesi perbincangan berfokus adalah berikut.

2.1 Sesi Perbincangan Fokus Dasar (FGD) Pertama, 21hb Mac 2024

Sesi FGD ini telah dipengerusikan bersama oleh YB Tuan Mordi Bimol (P192 Mas Gading) dan dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen dan wakil organisasi masyarakat sivil (CSO) (rujuk Lampiran 3 untuk senarai kehadiran). Ia telah dimulakan dengan pembentangan yang berkaitan dengan tema tiada kewarganegaraan, dengan fokus utama kepada Sabah dan Sarawak. Isu utama termasuk kekurangan dokumentasi yang menyebabkan orang tanpa kewarganegaraan menghadapi akses terhad kepada hak-hak yang asas seperti dokumen identiti, pekerjaan, pendidikan, dan perkhidmatan kesihatan. Keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya sebuah kitaran negatif (*vicious cycle*): tiada kewarganegaraan boleh menyebabkan pemindahan-pinggir (*displacement*) secara paksa, dan pemindahan-pinggir secara paksa boleh menyebabkan tiada kewarganegaraan.

Secara keseluruhannya, mangsa yang utama daripada segi isu ketiadaan warganegara adalah golongan kanak-kanak. Kanak-kanak luar nikah, terutamanya anak terbiar atau yatim/piatu, sering kali tidak didaftarkan akibat stigma dan kekurangan pendaftaran yang sah, terutama dalam konteks perkahwinan yang tidak diiktiraf. Kesukaran untuk mendapat persekolahan merupakan salah satu isu yang ketara yang telah dikenal pasti oleh APPGM-SDG.

Di Sarawak, sempadan yang tidak tentu dan longgar antara Malaysia dan Kalimantan Barat menyebabkan interaksi antara komuniti yang berbeza. Ini menjadi masalah apabila perkahwinan tidak didaftar atau anak luar nikah dilahirkan tanpa status warganegara. Selain itu, ramai "Pendatang Asing Tanpa Izin" (PATI)¹³ masuk ke Sarawak melalui "jalan tikus" (jalan jalan yang tidak dibenarkan atau jalan yang tidak diwartakan), dan keadaan ini disulitkan lagi dengan kekurangan pegawai pihak berkuasa termasuk polis di sempadan antara dua negara.

Di Sabah, masyarakat yang hidup secara berpindah-randah atau nomad, contohnya Bajau Laut menyebabkan mereka sukar untuk didaftarkan sebagai rakyat Malaysia. Walaupun terdapat data yang menunjukkan jumlah warga Filipina yang tinggi di Malaysia, pendaftaran mereka terhambat oleh kekurangan bantuan kedutaan dan masalah birokrasi. Hasil kajian pemetaan APPGM-SDG juga mendapati bahawa terdapat pemohon yang mengalami diskriminasi sosial. Contohnya, penilaian permohonan yang berdasarkan warna kulit.

Walaupun ahli-ahli Parlimen yang hadir telah mengajukan banyak isu yang berkaitan dengan tiada kewarganegaraan, satu isu asas yang disetujui yang harus diatasi dengan

¹³ "Pendatang Asing Tanpa Izin" bermaksud mana-mana orang, selain daripada warganegara, yang Menyalahi Seksyen 5,6,8,9 Dan 15 Akta Imigresen, 1959/63 atau Peraturan 39, Peraturan-peraturan Imigresen, 1963.

segera adalah kekurangan kesedaran golongan akar umbi, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, tentang kepentingan status kewarganegaraan untuk anak-anak mereka. Cadangan yang disuarakan termasuk untuk mengadakan dan menambah program pendaftaran di kawasan kritikal, terutamanya di pedalaman Sabah dan Sarawak, serta menggiatkan program kesedaran tentang kepentingan pendaftaran kewarganegaraan. Pihak-pihak yang disarankan untuk perbincangan lanjut termasuk Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), pejabat daerah, pejabat residen, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pegawai perubatan, pegawai pendidikan, pegawai polis, pegawai imigrasi, serta Kementerian Dalam Negeri Malaysia (KDN), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), serta kedutaan Indonesia, Thailand, dan Filipina.

2.2 Sesi Perbincangan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 11hb Julai 2024

Sesi FGD Kedua telah dijalankan pada 11hb Julai 2024 dan dipengerusikan secara bersama oleh YB Tuan Mordi Bimol (P. 192 Mas Gading) dan YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (P. 154 Mersing). Sesi ini telah dihadiri oleh lima barisan Ahli Parlimen dari pihak kerajaan dan pembangkang dan wakil daripada kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang telah dijemput untuk memberi maklum balas terhadap 3 isu utama berkenaan tema tiada kewarganegaraan yang telah dihantar lebih awal kepada mereka (rujuk Lampiran 4 untuk senarai kehadiran Ahli Parlimen dan agensi-agensi kerajaan dan Lampiran 3 untuk huraian terperinci setiap isu-isu utama). Isu-isu utama tersebut merupakan rangkuman daripada hasil kajian lapangan APPGM-SDG dan mengetengahkan banyak isu yang saling berhubung kait serta isu-isu yang kompleks.

Tiga isu utama yang telah dibincangkan semasa sesi FGD ini adalah seperti berikut:

4. Ketiadaan akses kepada khidmat kesihatan dan pendidikan, pekerjaan, dan keselamatan sosial;
5. Kekurangan kesedaran mengenai pendaftaran awam, pengambilan anak angkat yang sah dan pendaftaran perkahwinan;
6. Akses kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)/Kementerian Dalam Negeri (KDN) (proses/prosedur) dan kemudahan (bagi kawasan luar bandar/golongan miskin);

3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN AHLI-AHLI PARLIMEN

Tiga isu utama di atas telah dibincangkan secara terperinci dalam sesi FGD kedua yang telah dianjurkan oleh MySDG-CSI. Wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan yang hadir telah memberikan maklum balas untuk isu-isu yang terletak di bawah bidang kuasa

mereka. Ahli-ahli Parlimen yang hadir memberikan respons kepada maklum balas yang telah dikemukakan oleh pihak kementerian dan agensi kerajaan. Intipati maklum balas dan perbincangan untuk isu-isu tersebut dirumuskan di bawah dan juga Lampiran (Lampiran 1).

3.1 Ketiadaan Akses Kepada Khidmat Kesihatan dan Pendidikan, Pekerjaan, dan Keselamatan Sosial

Berkenaan dengan isu pendidikan, pihak **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** menyatakan bahawa bagi kanak-kanak berusia lebih 12 tahun yang telah memohon kewarganegaraan Malaysia, KDN boleh membantu memohon Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS)¹⁴ tetapi KDN tidak pasti sama ada MyKAS boleh digunakan untuk memohon menyertai sekolah kerajaan. KDN juga memaklumkan bahawa saluran ini tersedia untuk sesiapa sahaja yang tiada kewarganegaraan dan tidak membuat permohonan untuk menjadi warganegara mana-mana negara asing; mereka boleh memohon MyKAS dan seterusnya kad permastautin tetap (MyPR)¹⁵.

Berkenaan isu kesihatan, pihak **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada warganegara dan bukan warganegara, dengan bukan warganegara dikenakan bayaran tertentu mengikut Akta Fi 1951¹⁶. Perkhidmatan yang diberikan adalah termasuk penjagaan kecemasan.

Bagi kehamilan remaja, KKM mempunyai program khas yang memberi fokus kepada kesedaran dan pendidikan tentang tingkah laku berisiko dan penyakit berjangkit seksual, dengan saringan dan kaunseling diberikan kepada kumpulan yang berisiko.

¹⁴ Perbezaan fizikal MyKAS dengan MyKAD (Kad Pengenalan warga Malaysia) adalah tarikh luput yang dipaparkan di sudut atas MyKAS. MyKAS adalah berwarna hijau manakala MyKAD adalah berwarna biru. Pemegang MyKAS harus memperbaharui kad tersebut dalam tempoh 5 tahun (laman web JPN, diakses pada 1 Oktober 2024).

¹⁵ Semua penduduk Malaysia yang bertaraf Pemastautin Tetap dikehendaki menukar kad pengenalan mereka kepada MyPR mulai 1 Jun 2006. Kad MyPR berwarna merah. Di atas kad terdapat maklumat kerakyatan asal pemegang dan nombor permit masuk yang berkaitan. Permohonan pertama MyPR hanya boleh dibuat di Ibu Pejabat JPNM, Putrajaya dan pejabat JPN Ibu Negeri sahaja. Permohonan gantian boleh dibuat di mana-mana kaunter JPN berhampiran. Yuran permohonan adalah RM40, dan pemohon harus menyediakan permit masuk asal dan salinan, pasport asal dan salinan, sijil kelahiran asal dan salinan bagi mereka yang lahir di Malaysia, sijil anak angkat asal dan salinan (jika berkaitan), dan lain-lain dokumen yang berkaitan (Untuk rujukan laman web JPN, diakses pada 1 Oktober 2024).

¹⁶ Akta Fi 1951 memperuntukkan bayaran untuk lesen, permit dan lain-lain perkara yang boleh dikenakan di pejabat awam dan mahkamah bawahan. Akta merangkumi Perintah Yuran (Perubatan) 1982 menetapkan caj bayaran kecil untuk pesakit di kemudahan kesihatan kerajaan. Ia telah dipinda beberapa kali; untuk contohnya, untuk membenarkan warga asing dikenakan kadar yang lebih tinggi daripada rakyat Malaysia. (Rujukan untuk semua perintah dan pindaan perintah boleh didapati di https://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/store_view/11/?alphabet=F)
Rujukan Tarif berdasarkan Akta Fi 1951, Perintah Fee (Perubatan) 1982: https://hq.moh.gov.my/ohp/images/pdf/charge/takrif_dan_jadual1982.pdf

Kakitangan kesihatan menghadapi dilema kerana mereka diwajibkan oleh pekeling Ketua Pengarah untuk melaporkan orang bukan warganegara yang tidak mempunyai dokumen. Namun, kewajipan mereka untuk membuat laporan juga bercanggah dengan prinsip asas dan tanggungjawab mereka untuk merawat pesakit tanpa mengira latar belakang dan status sosial dan ekonomi. Oleh itu, ramai menghadapi dilema untuk merawat pesakit yang tanpa dokumen, sementara pekerja asing tanpa dokumen lazimnya akan mengelak daripada mendapatkan rawatan supaya dapat menjauhi risiko dilaporkan kepada pihak berkuasa. Ini telah menyukarkan pesakit-pesakit tersebut untuk mendapat rawatan yang diperlukan. Namun demikian, bagi pekerja asing dengan dokumen sah, walaupun mereka boleh mendapat rawatan tanpa kebimbangan ditangkap oleh pihak berkuasa, mereka masih perlu bayar kos yang tinggi untuk rawatan mereka. Disebabkan oleh gaji yang kurang, mereka tidak mampu membayar untuk perkhidmatan kesihatan yang diperlukan.

3.2 Kekurangan Kesedaran Tentang Pendaftaran Awam, Pengambilan Anak Angkat yang Sah dan Pendaftaran Perkahwinan

Berdasarkan isu yang telah dicatatkan oleh pemetaan isu APPGM-SDG, di didapati bahawa komuniti yang miskin atau tinggal di kawasan luar bandar tidak mempunyai pengetahuan tentang kepentingan pendaftaran perkahwinan mereka dan sijil kelahiran anak-anak. Ibu bapa, terutamanya yang tinggal di sempadan antara Malaysia dan negara jiran, juga tidak mengetahui tentang proses pengambilan anak angkat yang sedia ada di Malaysia. Walaubagaimanapun, adalah penting untuk kita meneliti inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk memenangi isu-isu ini.

Di peringkat seluruh Malaysia, program MEKAR (Menyemai Kasih Rakyat) telah diperkenalkan pada Januari hingga 15hb Ogos 2024, dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan komuniti luar bandar. “Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) merupakan satu perkhidmatan turun padang Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk memberi kemudahan kepada golongan sukar hadir ke Pejabat JPN menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan seperti pendaftaran sijil kelahiran dan kematian, cabutan sijil perkahwinan, memperbaharui kad pengenalan diri serta khidmat nasihat” (Jabatan Pendaftaran Negara, Siaran Media 6 September 2023).¹⁷

Kerajaan Wilayah Sarawak telah menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas Menangani Isu Penduduk Sarawak Tanpa Pengenalan Diri (PPK) sejak Oktober 2023 untuk menangani isu ini di zon Kuching, Sri Aman, Sibul, Kapit, Bintulu dan Miri. PPK memberi

¹⁷ Untuk maklumat lanjut sila rujuk kepada: https://www.jpn.gov.my/images/pdf/kenyataan_media/KM_Mekarresah.pdf (Akses pada 1 Oktober 2024).

tumpuan terhadap usaha memupuk kesedaran tentang pendaftaran kelahiran, proses pengangkatan, dan pendaftaran perkahwinan di kalangan komuniti-komuniti tempatan. Inisiatif PPK yang terkini adalah kali kedua untuk Kerajaan Wilayah Sarawak. Kali pertama pelaksanaan PPK adalah pada tahun 2016 hingga 2019, dan dikenali sebagai Pasukan Petugas Khas (PPK)¹⁸.

Program MEKAR dan PPK adalah inisiatif yang penting sebagai langkah pertama untuk menangani isu tiada kewarganegaraan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Namun, sebagai langkah pertama, program-program ini hanya sekadar untuk pendaftaran kewarganegaraan sahaja dan tidak menjamin kelulusan permohonan tersebut. Walaupun permohonan boleh dibuat oleh individu, permohonan mereka tidak semestinya akan diluluskan oleh pihak KDN.

Selain itu, setakat yang diketahui PPK hanya merangkumi zon-zon yang telah disenaraikan di atas, sedangkan masih ramai penduduk yang memerlukan bantuan daripada program PPK di Sarawak. Oleh demikian, inisiatif PPK harus lebih menyeluruh dan merangkumi kesemua daerah-daerah termasuk kampung-kampung yang berada di kawasan pedalaman di Sarawak, yang sukar untuk dicapai. Tambahannya, kebanyakan PPK dijalankan di kawasan-kawasan bandar dan memerlukan pemohon yang tinggal di kawasan pedalaman untuk hadir ke kawasan bandar untuk membuat permohonan. Ini akan menjadi kekangan yang besar kepada mereka yang miskin dan perlu membayar kos pengangkutan yang tinggi (sekurang-kurangnya RM100 sehala) untuk membuat permohonan tersebut di bandar.

3.3 Akses Kepada KDN (Proses/Prosedur) dan Kemudahan (Kawasan Luar Bandar/Golongan Miskin)

Berdasarkan kepada hasil pemetaan isu APPGM-SDG, kami mendapati bahawa ramai antara golongan tanpa kewarganegaraan menghadapi kesukaran untuk membuat permohonan yang disebabkan oleh birokrasi dan logistik. Hal demikian telah merumitkan proses pendaftaran kewarganegaraan dan menjadi halangan terutamanya bagi mereka yang buta huruf. Proses permohonan kewarganegaraan memerlukan dokumen serta surat sokongan yang dalam keadaan tertentu menjadi mustahil untuk diperolehi (contohnya ada yang kehilangan dokumen akibat banjir, kebakaran, kematian ibu, bapa, suami atau isteri). Komuniti yang tinggal di kawasan paling pedalaman di Malaysia terpaksa membelanjakan sejumlah besar wang hanya untuk ke pusat atau pejabat JPN terdekat.

¹⁸ Untuk maklumat lanjut yang dipaparkan dalam media, sila rujuk kepada: <https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/17/tempoh-pasukan-petugas-khas-ppk-dilanjutkan-saifuddin-nasution>

Walaupun KDN tidak dapat memberi maklum balas yang berkait terus di atas, tetapi wakil yang hadir telah memberi maklum balas bahawa mana-mana kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia (tanpa mengira status kewarganegaraan) didaftarkan dan diberikan sijil kelahiran, termasuk pelarian di bawah UNHCR. Sebahagian daripada matlamat KDN dalam menangani isu tanpa dokumentasi pada masa akan datang adalah untuk memastikan 100 peratus kelahiran di Malaysia didaftarkan di bawah pendaftaran sivil dan statistik penting (Civil Registration and Vital Statistics, CRVS), sebuah inisiatif pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN). KDN juga memberi jaminan bahawa tiada had umur ditetapkan untuk pendaftaran kelahiran.

4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN

Beberapa cadangan dasar dan langkah penyelesaian telah diusulkan oleh Ahli-ahli Parlimen berdasarkan ketiga-tiga isu dan maklum balas di atas.

4.1 Ketiadaan Akses Kepada Khidmat Kesihatan Dan Pendidikan, Pekerjaan, dan Keselamatan Sosial

1. Mempermudahkan proses pendaftaran kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang telah lama tertanggung agar mereka dapat bersekolah dan menduduki peperiksaan SPM, serta memastikan kebajikan dan masa depan mereka terjamin.
2. Satu pasukan petugas di bawah BHEUU atau KDN dicadangkan untuk ditubuhkan bagi menangani isu kanak-kanak yang tidak dapat menduduki peperiksaan utama.

4.2 Kekurangan Kesedaran Tentang Pendaftaran Awam, Pengambilan Anak Angkat Sah dan Pendaftaran Perkahwinan

1. KDN menggalas tanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran bagi memastikan pendaftaran kelahiran untuk semua rakyat, tanpa mengira latar belakang, dengan fokus khas diberikan kepada mereka dalam perkahwinan dwi-nasional (rentas negara/warganegara) atau yang tidak mempunyai dokumen.
2. Dicapadangkan supaya KDN mengadakan kempen kesedaran di seluruh negara untuk memaklumkan orang ramai tentang langkah-langkah yang perlu diambil apabila berkahwin dengan warganegara asing. Ini akan membantu mengurangkan kes pada masa akan datang, dan membolehkan kerajaan dan pemegang taruh berkaitan untuk memberi tumpuan kepada penyelesaian kes-kes terdahulu.
3. Perhatian juga diberikan kepada kanak-kanak yang terabai akibat perceraian ibu bapa yang berlainan kewarganegaraan.
4. Meningkatkan kesedaran dalam kalangan bakal ibu bapa angkat untuk mencegah penglibatan mereka dalam kes penyeludupan kanak-kanak.

4.3 Akses Kepada KDN (Proses/Prosedur) dan Kemudahan (Kawasan Luar Bandar/Golongan Miskin)

1. Seperti amalan yang telah dijalankan oleh wilayah Sarawak, kerajaan harus mengumpulkan kes-kes berkaitan kewarganegaraan mengikut negeri dan wilayah. Ini membolehkan penyelesaian yang kolektif, sistematik dan berkesan.

Ini kerana kes-kes yang diselesaikan secara berindividu sahaja akan melambatkan proses.

2. JKM dan KDN memberi keutamaan kepada pemberian kewarganegaraan kepada kanak-kanak yang diselamatkan oleh JKM, kerana mereka termasuk dalam kategori kanak-kanak yang diselamatkan dan bayi yang dijumpai (*foundlings*).

Usaha perlu bersambung untuk meneruskan perbincangan antara Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak kementerian dan agensi kerajaan persekutuan, wilayah dan negeri.

1. Kedua-dua sesi perbincangan yang telah dianjurkan oleh MySDG CSI terbukti penting kerana sesi-sesi tersebut telah membuka peluang kepada kedua-dua pihak penting dalam proses pembuat dasar Malaysia untuk membincang sebarang cabaran, kekangan dan seterusnya memberi cadangan untuk mencari penyelesaian yang lestari. Sesi-sesi tersebut telah menggalak persefahaman dan kerjasama antara Ahli-ahli Parlimen rentas parti politik dan rentas kementerian (SDG 16 dan SDG 17).

Untuk sesi masa depan, pihak penganjur akan memberi fokus yang lebih dalam perbincangan, supaya pihak-pihak yang hadir boleh mengadakan suatu perbincangan yang lebih mendalam mengenai sesuatu isu yang berkaitan dengan kewarganegaraan. Ini juga akan membolehkan kerjasama yang lebih erat dan efektif dengan tumpuan yang jelas demi mencari penyelesaian yang berkesan untuk isu yang spesifik. Misalnya Mengutamakan kewarganegaraan untuk kanak-kanak yang diselamatkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga penting, memandangkan status mereka sebagai anak yang terdedah kepada risiko tinggi.

2. Menjalinkan kerjasama lebih inklusif dengan melibatkan seperti SUHAKAM. Misalnya, Pejabat SUHAKAM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) boleh menyediakan langkah-langkah sementara untuk menangani beberapa isu mendesak ini. Membawa cadangan yang telah dikemukakan dalam sesi perbincangan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK)¹⁹ seperti JKPK Kesihatan, JKPK Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat, JKPK Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi.

¹⁹ Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) adalah untuk membolehkan mekanisme semak-dan-imbang terhadap pihak Eksekutif dengan tidak mencampuri fungsi dan bidang kuasa yang telah ditetapkan kepada pihak Eksekutif. Peranan JKPK adalah untuk memudahkan cara, menambah baik dasar-dasar kerajaan supaya menjadi lebih cekap dan seterusnya memberi pengesahan kepada tindakan dan dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan (M.Saari 2023). Pada Parlimen Ke-15, terdapat 10 JKPK yang telah diluluskan. Maklumat lanjut mengenai JKPK ini adalah boleh merujuk kepada: <https://www.parlimen.gov.my/jkdr/index.php>

RUJUKAN

UNHCR. (1954). Convention relating to the status of stateless persons. In (pp. 1-35): United Nations High Commissioner for Refugees.

Saari, M. (2023). Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia: Penilaian Kritikal terhadap Instrumen Semak dan Imbang Legislatif: The Special Select Committee in the Dewan Rakyat, Parliament of Malaysia: A Critical Appraisal of Legislative Checks and Balances Instrument. *Journal of the Malaysian Parliament*, 3, 1-33.

LAMPIRAN 1: RANGKUMAN ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, DAN CADANGAN

1.1 Isu-Isu Berkaitan Tiada Kewarganegaraan Untuk Sesi FGD Pertama Bersama Ahli-Ahli Parlimen, 21hb Mac 2024

BIL	ISU TEMATIK DAN PENJELASAN	KAWASAN-KAWASAN PARLIMEN YANG APPGM-SDG TERLIBAT	MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDGS) YANG BERKAITAN
1	<p>Masalah kewarganegaraan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan dokumen yang diperlukan walaupun kedua-dua ibu-bapa adalah berkahwin secara sah • Terdapat komuniti yang tinggal di kawasan pedalaman dan tidak mendaftarkan perkahwinan mereka. • Kurang sedar tentang kepentingan sijil kelahiran dan IC, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman • Perkahwinan dengan warganegara asing (Siam, Indonesia, Filipino, Rohingya, Syrian etc) yang tidak disahkan. 	<p>2023 - Ampang, Rantau Panjang, Tanah Merah, Kudat, Sandakan, Tambun, Ranau, Kudat, dan Beluran (9 kawasan parlimen)</p> <p>2022 - Bera, Kalabakan, Lahad Datu, dan Sungai Buloh (4 kawasan parlimen)</p> <p>2021 - Simpang Renggam, Kubang Pasu, Muar, Selangau, Pasir Mas, Kubang Pasu dan Tumpat (7 kawasan parlimen)</p> <p>2020 - Bandar Kuching (1 kawasan parlimen)</p> <p>Jumlah: 21 kawasan parlimen</p>	<p>SDG 16 Peace, Justice and Strong Institutions</p> <p>SDG 3 Good Health and Well-Being</p>

**1.2 Senarai Maklum Balas Dan Cadangan Berkaitan Tiada Kewarganegaraan Untuk Sesi FGD Kedua Bersama Ahli-Ahli
Parlimen Dan Agensi Kerajaan, 11hb Julai 2024**

RANGKUMAN ISU	MAKLUM BALAS	CADANGAN
<p>Isu 1: Ketiadaan akses kepada khidmat kesihatan dan pendidikan, pekerjaan, dan keselamatan sosial</p>	<p>Pendidikan: Berkenaan dengan isu pendidikan, KDN menyatakan bahawa bagi kanak-kanak berusia lebih 12 tahun yang telah memohon kewarganegaraan Malaysia, KDN boleh membantu memohon MyKAS (kad pengenalan sementara) tetapi KDN tidak pasti sama ada MyKAS boleh digunakan untuk memohon menyertai sekolah kerajaan. KDN juga memaklumkan bahawa saluran ini tersedia untuk sesiapa sahaja tanpa kewarganegaraan dan tiada permohonan untuk menjadi warganegara mana-mana negara asing; mereka boleh memohon MyKAS dan seterusnya MyPR.</p> <p>Kesihatan: Kementerian Kesihatan (KKM) menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada warganegara dan bukan warganegara, dengan bukan warganegara dikenakan bayaran tertentu mengikut Akta FI 1951.</p>	<p>Pendidikan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mencadangkan untuk mempermudah proses pendaftaran kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang telah lama tertanggung agar mereka dapat bersekolah dan menduduki peperiksaan SPM, serta memastikan kebajikan dan masa depan mereka terjamin. 2. Mencadangkan penubuhan satu pasukan petugas di bawah BHEUU atau KDN bagi menangani isu kanak-kanak yang tidak dapat menduduki peperiksaan utama.

RANGKUMAN ISU	MAKLUM BALAS	CADANGAN
	<p>Perkhidmatan termasuk penjagaan kecemasan. Bagi kehamilan remaja, KKM mempunyai program khas yang memfokuskan kepada kesedaran dan pendidikan tentang tingkah laku berisiko dan penyakit berjangkit seksual, dengan saringan dan kaunseling diberikan kepada kumpulan yang berisiko.</p> <p>Dua isu utama yang mempengaruhi ibu dan kanak-kanak adalah: pekerja migran dengan dokumen sah seringkali kekurangan dana untuk membayar perkhidmatan kesihatan, manakala pekerja migran tanpa dokumen elak mendapatkan rawatan kerana takut dilaporkan kepada pihak berkuasa. Kakitangan kesihatan menghadapi dilema kerana mereka diwajibkan oleh pekeliling Ketua Pengarah untuk melaporkan bukan warganegara yang tidak mempunyai dokumen.</p>	
<p>Isu 2: Kekurangan kesedaran tentang pendaftaran awam, pengambilan anak angkat yang sah dan pendaftaran perkahwinan</p>	<p>Program MEKAR (Menyemai Kasih Rakyat) bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan komuniti luar bandar. Di Sarawak, sebuah pasukan khas yang dikenali sebagai Pasukan Petugas Khas (PPK) telah dibentuk bersama kerajaan wilayah untuk menangani isu ini, terutamanya kekurangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. KDN perlu bertanggungjawab meningkatkan kesedaran bagi memastikan pendaftaran kelahiran untuk semua rakyat, tanpa mengira latar belakang, dengan fokus khas diberikan kepada mereka dalam

RANGKUMAN ISU	MAKLUM BALAS	CADANGAN
	<p>kesedaran mengenai pendaftaran kelahiran, proses pengangkatan, dan pendaftaran perkahwinan. Komuniti yang miskin atau tinggal di kawasan luar bandar tidak mempunyai pengetahuan tentang kepentingan pendaftaran perkahwinan mereka dan sijil kelahiran anak-anak. Ibu bapa, terutamanya yang tinggal di sempadan antara Malaysia dan negara jiran, juga tidak mengetahui tentang proses pengangkatan yang tersedia di Malaysia.</p>	<p>perkahwinan dwi-nasional atau yang tidak mempunyai dokumen.</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Mencadangkan keperluan untuk gambaran carta/infografik yang dipermudahkan tentang jabatan yang perlu dihubungi dan dilawati oleh individu yang mempunyai isu dokumentasi, memandangkan setiap kes adalah berbeza. 3. Mencadangkan kempen kesedaran di seluruh negara untuk memaklumkan orang ramai tentang langkah-langkah yang perlu diambil apabila berkahwin dengan warganegara asing. Ini akan membantu mengurangkan kes pada masa depan, membolehkan kita memberi tumpuan kepada penyelesaian kes-kes terdahulu.

RANGKUMAN ISU	MAKLUM BALAS	CADANGAN
		<ol style="list-style-type: none"> 4. Mencadangkan agar perhatian juga diberikan kepada kanak-kanak yang terabai akibat perceraian ibu bapa berlainan kewarganegaraan. 5. Meningkatkan kesedaran dalam kalangan bakal ibu bapa angkat untuk mencegah penglibatan mereka dalam penyeludupan kanak-kanak.
<p>Isu 3: Akses kepada JPN/KDN (proses/prosedur) dan kemudahan (kawasan luar bandar/golongan miskin)</p>	<p>Kesukaran dalam permohonan kewarganegaraan disebabkan oleh birokrasi dan logistik: Proses pendaftaran kewarganegaraan terlalu rumit dan telah menjadi halangan terutamanya bagi mereka yang buta huruf. Proses permohonan kewarganegaraan memerlukan dokumen yang sudah pun tidak sedia ada serta surat sokongan yang dalam keadaan tertentu menjadi mustahil untuk diperolehi. Komuniti yang tinggal di kawasan paling pedalaman di Malaysia terpaksa membelanjakan sejumlah besar wang hanya untuk ke pusat atau Pejabat JPN terdekat.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mencadangkan agar kes-kes berkaitan kewarganegaraan dikumpulkan oleh kerajaan mengikut negeri dan diselesaikan secara kolektif, kerana menangani kes-kes secara individu adalah lambat. 2. Pejabat OCC SUHAKAM dan JPN boleh berbincang tentang langkah sementara untuk menangani isu ini.

RANGKUMAN ISU	MAKLUM BALAS	CADANGAN
	<p>KDN menyatakan bahawa mana-mana kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia (tanpa mengira status kewarganegaraan) mesti didaftarkan dan diberikan sijil kelahiran, ini termasuk pelarian di bawah UNHCR. KDN komited di bawah pendaftaran sivil dan statistik penting (CRVS)²⁰ di bawah UNCHR untuk memastikan 100% kelahiran di Malaysia didaftarkan. KDN juga memberi jaminan bahawa tiada had umur untuk pendaftaran kelahiran.</p>	<p>3. Mencadangkan agar JKM dan KDN memberi keutamaan kepada pemberian kewarganegaraan kepada kanak-kanak yang diselamatkan oleh JKM, kerana mereka termasuk dalam kategori kanak-kanak yang diselamatkan dan bayi yang dijumpai (foundlings).</p>

²⁰ Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan pendaftaran sivil dan statistik peristiwa penting (CRVS) sebagai "pendaftaran yang berterusan, tetap, wajib dan sejagat mengenai kejadian dan ciri-ciri peristiwa penting populasi mengikut undang-undang." Deklarasi Kementerian untuk "Mengambil kira setiap individu" di Asia dan Pasifik, yang diterima pakai pada tahun 2014 semasa Persidangan Kementerian Pertama mengenai CRVS di Asia dan Pasifik, menggariskan komitmen kerajaan untuk mencapai visi bersama bahawa, menjelang tahun 2024, semua orang di Asia dan Pasifik akan mendapat manfaat daripada sistem CRVS yang sejagat dan responsif yang memudahkan realisasi hak mereka serta menyokong tadbir urus yang baik, kesihatan, dan pembangunan.

**LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI UNTUK PERBINCANGAN
KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 21hb Mac 2024**

NO.	AHLI PARLIMEN	ORGANISASI
1	YB Tuan Mordi Anak Bimol - Mas Gading	Advocates For Non-Discrimination And Access To Knowledge (ANAK)
2	YB Puan Syerleena Binti Abdul Rashid - Bukit Bendera	Bahagian Perlindungan Sosial, DHRRA Malaysia
3	YB Datuk Larry Soon - Julau	
4	YB Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi - Kuala Langat	
5	YB Tuan Haji Islahuddin Abas - Mersing	
6	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan Harun - Hulu Selangor	

**LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN, JABATAN, AGENSI KERAJAAN
UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 11hb Julai 2024**

NO.	AHLI PARLIMEN	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN
1	YB Tuan Mordi Anak Bimol - Mas Gading	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
2	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas - Mersing	Kementerian Dalam Negeri (KDN)
3	YB Dato' Hajah Siti Zailah - Rantau Panjang	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM)
4	YB Isnaraissah Munirah - Kota Belud	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
5	YB Dato' Hajjah Mumtaz Md Nawli - Tumpat	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
6	Alister Awan Mulok (Pegawai Betong)	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Putrajaya (APMM)
7	Nurhidayah Ramlee (Pegawai Hulu Selangor)	Family Frontiers (CSO-SDG Alliance)
8	Muhammad Adib Azizan (Pegawai Ampang)	Advocates For Non-Discrimination And Access To Knowledge (ANAK)
		Bahagian Perlindungan Sosial, DHARRA Malaysia



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPM-023-14-07012020)

📍 A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen
8 Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>